



اينسيكلوڤيديا نيجارا زيكير
ENSIKLOPEDIA
Negara Zikir

Jilid **2**

TATANEGARA ZIKIR

Mahayudin Hj Yahaya
Ahmad Baha Mokhtar

UNISSA Press
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam
1437H/2016M

Penerbit:**UNISSA Press****Pusat Penyelidikan dan Penerbitan****Universiti Islam Sultan Sharif Ali****Simpang 347, Jalan Pasar Baharu****BE1310, Gadong****Negara Brunei Darussalam****Tel: +673 2462000 ext. 332****Laman Web: www.unissa.edu.bn****© Mahayudin Hj Yahaya & Ahmad Baha Mokhtar****Cetakan Pertama 2016**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

ISBN 978-99917-82-04-1 (Kulit Lembut)**ISBN 978-99917-82-05-2 (Kulit Keras)****Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan****Mahayudin Hj Yahaya, Ahmad Baha Mokhtar****Ensiklopedia negara zikir Jilid 2 : Tatanegara Zikir / Mahayudin Haji Yahaya, Ahmad Baha Mokhtar. -- Bandar Seri Begawan : UNISSA Press, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2016.****p. cm****ISBN 978-99917-82-04-1 (Kulit Lembut)****ISBN 978-99917-82-05-2 (Kulit Keras)****1. Islam (Brunei Darussalam)—Study and teaching 2. Islam and state (Brunei Darussalam) 3. Islam and state (Brunei Darussalam)—History I. Title****959.55 MAH (DDC 23)****Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar:****Syarikat Percetakan Juta Jaya****Negara Brunei Darussalam****Dicetak Oleh:****Syarikat Percetakan Juta Jaya****Negara Brunei Darussalam**

KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
<i>Singkatan</i>	xiv
Pendahuluan	1
Konsep Negara, Tatanegara, Dan Ketatanegaraan	3
Istilah “Negara” Dalam Sejarah Islam	7
Negara Zikir	27
Sistem Pemerintahan Negara Zikir	49
Perlaksanaan Pemerintahan Negara Zikir	113
Sistem Pentadbiran Negara Zikir	165
Hubungan Rakyat Dalam Pemerintahan Negara Zikir	211
Pembangunan Dan Kemakmuran Negara Zikir	228
Kesimpulan	273
<i>Glosari</i>	283
Bibliografi	287

Kata Pengantar

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين،

Buku berbentuk Ensiklopedia yang bertemakan Ensiklopedia Negara Zikir (ENZ) ini dihasilkan oleh para penyelidik Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), telah menampilkan maklumat-maklumat penting mengenai sejarah Negara Brunei Darussalam serta beberapa cadangan dan idea bernas bagi merealisasikan gagasan Negara Zikir di negara ini. Dalam Jilid 1 sebagai “Pendahuluan”, dimuatkan beberapa konsep yang perlu difahami oleh pembaca bagi menguraikan objektif dan matlamat penubuhan Negara Zikir yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Hasil kajian ini dijangka akan memberi manfaat kepada pelajar, pendidik, penyelidik, pensyarah dan orang awam di negara ini, dan sekaligus akan mencetuskan pelbagai pandangan yang lebih mendalam mengenainya.

Dengan terbitnya ENZ ini, akan menjadi cabaran kepada pejuang-pejuang tanah air untuk lebih teguh lagi berpegang kepada konsep Melayu Islam Beraja. Diharapkan juga akan lebih ramai lagi pengkaji-pengkaji yang tampil untuk sama-sama menyumbang kepada perkembangan ilmu sambil memupuk semangat setiakawan yang tidak berbelah bahagi kepada negara.

Saya dengan ikhlas turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali di atas sumbangannya yang tidak ternilai ini. Semoga Allah *Subhanahu waTa'ala* jua yang akan membalasnya dengan sebaik-sebaik ganjaranya. AaminYaRabbal 'Alamin'.

**Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia
Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan
Negara Brunei Darussalam.**



Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، وبه نستعين على أمور الدنيا والدين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين،

Terlebih dahulu dirafakkan sembah menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir, sebuah negara yang dihasratkan akan sentiasa di bawah lindungan Allah *Subhanahu waTa'ala, baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur.*

Sesungguhnya azam Baginda untuk menjadikan bumi bertuah ini sebagai sebuah Negara Zikir merupakan suatu cita-cita murni yang tidak ternilai harganya. Ia membuktikan tentang kesungguhan Baginda dalam menegakkan ajaran dan syi'ar Islam, sekaligus menjadikan Baginda seorang ulul 'amri' yang wajib ditaati, dan seorang pemimpin Islam yang cuba menegakkan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahyi 'an al-munkar* yang patut disegani dan diteladani.

“Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya”. Begitulah diumpamakan usaha penyelidik dalam menghasilkan ensiklopedia ini; menyelongkar dan mengupas isu-isu yang berkaitan dengan pembentukan sebuah Negara Zikir, sekaligus memberikan pandangan dan buah fikiran, agar konsep Negara Zikir dapat diaplikasikan di dalam pelbagai sektor dan bidang di negara ini. Tujuannya tidak lain hanyalah sebagai khidmat bakti untuk menyampaika nmaklumat dan informasi lengkap dan terperinci mengenai konsep Negara Zikir kepada masyarakat Brunei, khasnya dan masyarakat luarnya, yang sehingga kesaat ini, jarang diperkatakan dan dikaji secara mendalam. Sesungguhnya, usaha dan titisan keringat yang telah dicurahkan akan lebih bermakna jika konsep negara ini akan lebih difahami, dihayati, dan dipraktikkan dengan sempurna di negara ini.

Pada kesempatan ini, koala/kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti kerajaan, Negara Brunei Darussalam di atas kesudian Pehin memberikan masa yang begitu berharga dalam menyemak dan meneliti Jilid 2, seterusnya memberikan pandangan dan buah fikiran yang bermanfaat bagi penambahbaikkan mutu dan kualiti ensiklopedia ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali atas kesempatan yang diberikan untuk menghasilkan ensiklopedia ini, juga atas sokongan padu dari pelbagai aspek, mencakupi urusan kewangan dan segala kemudahan yang berkaitan dengan penyelidikan dan penerbitan. Sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada mereka yang terlibat-sama ada secara langsung mahupun tidak langsung-dalam penerbitan ensiklopedia Jilid ke 2 ini.

Sebagai hamba Allah, kita tidak terlepas daripada berbuat kesilapan. Kami menyedari bahawa masih terdapat banyak kekurangan di dalam membina lagi kualiti ensiklopedia ini pada masa-masa akan datang.

Sekian. Semoga kita semua akan beroleh manfa'at dan hidayat daripada Allah *Subhanahu WaTa'ala* jua. Dan semoga Negara Brunei Darussalam akan kekal sebagai sebuah Negara Islam, dan Negara Zikir yang diredhai dan dilindungi Allah *Subhanahu waTa'ala*.

Wassalam.

والله ولي التوفيق

Prof. Madya Dr. Mahayudin Hj Yahaya

(Ketua Penyelidik)

Dr. Ahmad Baha bin Mokhtar

(Penyelidik)

SINGKATAN

ENZ: Ensiklopedia Negara Zikir

M: Masihi

W: wafat

H: Hijrah

PENDAHULUAN

Dalam ENZ Jilid 1 (*Ensiklopedia Negara Zikir Jilid 1*) kita telah mengemukakan secara umum sebagai “Pendahuluan” mengenai Negara Zikir, bermula dengan sejarah Negara Brunei Darussalam dari segi historiografi, struktur masyarakat, konsep negara dan falsafah negara, pembangunan negara, konsep Melayu Islam Beraja, peranan ilmu dan pendidikan dalam membangunkan negara, konsep *umrān* dan hubungannya dengan Negara Zikir.

Pada dasarnya sesebuah negara tidak boleh ditegakkan tanpa empat perkara: iaitu manusia dan masyarakat, pemerintahan, undang-undang, dan kawasan atau wilayah yang diperintah. Kawasan atau wilayah yang diperintah diibaratkan tapak semayan bagi menyemai benih tanaman. Tugas pemerintah menyediakan kemudahan bagi rakyat termasuk projek-projek pertanian dan perindustrian. Hasil kerjasama antara rakyat dan pemerintah dengan penguatkuasaan undang-undang (undang-undang Shari’ah dalam konteks Negara Zikir) merupakan pra syarat bagi menjamin kesejahteraan dan keamanan masyarakat dalam sebuah negara yang makmur dan berdaulat.

Rakyat di sesebuah negara pada lazimnya terdiri daripada beberapa kelompok manusia yang membentuk masyarakat. Masyarakat inilah yang akan membina dan membangunkan negara.

Fokus ENZ Jilid 2 ialah kepada aspek ketatanegaraan sebagai tonggak pembangunan dan kemakmuran masyarakat dan Negara Zikir berteraskan teori politik Islam yang tertera dalam Piagam Madinah bagi Kerajaan Islam Madinah yang dibuat oleh Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam*. Contoh ini diikuti oleh kerajaan-kerajaan Islam selepasnya, iaitu kerajaan *Khulafā` al-Rāshidīn*, Dawlah Bani Umayyah, Dawlah Abbāsiyyah, Kerajaan Islam Sepanyol, Dawlah Uthmāniyyah, dan akan disusuli oleh Negara Zikir di Negara Brunei Darussalam. Bagi merealisasikan hasrat dan cita-cita ini, teori *Umrān* telah dijadikan “model” dan wadah pembangunan dan kemakmuran masyarakat di negara yang tercinta ini.

KONSEP NEGARA, TATANEGARA DAN KETATANEGARAAN

Konsep

Konsep merupakan suatu pengertian atau susunan daripada beberapa pengertian yang menyatakan idea atau gagasan umum tentang sifat sesuatu benda, kejadian atau fenomena atau hubungan antara satu fenomena dengan fenomena yang lain.¹

Negara

Kata “negara” seerti dengan “*state*” dalam bahasa Inggeris – mempunyai dua pengertian. Pertama, memberi maksud masyarakat atau wilayah dalam satu kesatuan politik. Kedua, membawa maksud kekuasaan yang menjamin kesatuan politik, dan dengan demikian maka ia mampu menguasai wilayah tersebut.

¹*Kamus Dewan*, Dr. Teuku Iskandar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur, 1970, art “konsep” hlm. 573.

Dalam bidang sains politik, istilah “negara” memberi maksud agensi masyarakat yang mempunyai kekuasaan untuk mengatur hubungan antara sesama manusia di dalam masyarakat dan melahirkan kekuasaan di dalam masyarakat.

Daripada beberapa definisi itu tadi bolehlah disimpulkan bahawa negara merupakan “suatu wilayah yang mempunyai penduduk dan diperintah oleh sebuah kerajaan yang berdaulat”.

Tatanegara

Tatanegara berasal dari “tata” dan “negara”. Tata berasal dari bahasa Jawa yang bermaksud “menyusun secara teratur”. Perkataan “tata” dipakai sebagai kata awalan bagi membentuk frasa seperti tatabahasa, tatacara, tatanegara, tatasusila, dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan, tatanegara bererti “susunan dan bentuk negara”. Kamus Besar Bahasa Indonesia pula menjelaskan makna tatanegara sebagai “seperingkat prinsip dasar yang mencakupi peraturan susunan, perintah, bentuk negara yang menjadi dasar sebuah negara”. Dengan kata lain, tatanegara memberi maksud “susunan dan bentuk pemerintahan negara yang melibatkan hukum dan ilmu ketatanegaraan”. Hukum tatanegara ialah “undang-undang, susunan, dan peraturan negara”. Sebagai contoh, Undang-undang Melaka merupakan sumber ketatanegaraan kerajaan Melaka.²

² Liaw Yock Fang, 2006. “Undang-Undang Melaka Sebagai Sumber Ketatanegaraan, kertas kerja, Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu 10-11 Julai 2006, Kuala Lumpur, hlm.1.

Di samping itu terdapat beberapa lagi definisi tatanegara yang melibatkan hukum dan ilmu tatanegara, di antaranya adalah seperti yang berikut:

1. Masyarakat dan organisasi-organisasi di dalam negara dan bagaimana kedudukan masyarakat dan organisasi-organisasi sosial diurus tentang hak dan kewajiban serta tugas masing-masing.
2. Peraturan-peraturan yang menentukan jabatan-jabatan yang diperlukan dan hubungannya dengan individu dan masyarakat.
3. Mengenai alat kelengkapan negara, tugas dan hubungan antara alat-alat kelengkapan tersebut.
4. Pembahagian kekuasaan di dalam negara dan pelaksanaan yang tertinggi dalam negara.
5. Sistem pentadbiran dan hubungan antara individu dengan negara.
6. Bentuk negara (kesatuan atau federal), dan bentuk pemerintahan (Kerajaan atau Republik), membezakan antara masyarakat atasan dan masyarakat bawahan (hieraki), mengesahkan wilayah kekuasaan, serta alat-alat kelengkapan yang memegang kuasa pemerintahan.

7. Fungsi badan pemerintahan yang berhubungan dengan individu bagi menuntut hak dan kebebasan individu dan perlindungan yang dapat melindungi warga negaranya.³

Daripada definisi-definisi itu tadi dapat dirumuskan bahwa tatanegara merupakan sekumpulan peraturan atau undang-undang yang mengatur organisasi-organisasi di dalam negara, hubungan antara alat kelengkapan negara dalam bentuk *vertical* (menegak) dan *horizontal* (melebar) serta kedudukan warga negara dan hak asasi warga negara.

Ketatanegaraan

Ketatanegaraan berarti “hal ehwal atau cara menyusun atau membentuk sebuah negara, yaitu sistem pemerintahan atau pentadbiran negara atau ilmu tatanegara yaitu “berhubung dengan ketatanegaraan seperti politik dan sebagainya”.⁴

³<http://trikrenz.wordpress.com/2012/05/21/definisi-hukum-tata-negara...>

⁴*Kamus Dewan*, Dr. Teuku Iskandar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran, Kuala Lumpur, 1970, art “tatanegara”, hlm. 1196.

ISTILAH “NEGARA ISLAM” DALAM SEJARAH

ISTILAH “NEGARA ISLAM” DALAM SEJARAH

Sumber yang digunakan bagi membahaskan istilah-istilah bahasa Arab yang digunapakai di negara-negara Islam adalah kamus-kamus bahasa Arab, seperti *Lisan al-Arab* oleh Ibn Manzur, *Kāmūs al-Muḥīt*, *al-Muʿjam al-Wasīt*, *Kamus Dewan Bahasadan Pustaka*, dan lain-lainnya.

Negara Islam

Istilah “Negara Islam” yang digunapakai di sepanjang pemerintahan Islam ialah: *dawlah*, *khilāfah*, *imāmah*, dan *Sultanah*.

Dawlah

Dawlah dalam bahasa Arab berpunca dari kata akar: *dāla* – *yadulu* – *dawlah* yang memberi maksud bergilir, beredar, dan berputar. Kata-kata ini boleh diterjemahkan sebagai kelompok sosial yang berpindah randah dari satu kawasan ke kawasan lain dan akhirnya menetap di dalam satu wilayah yang ditadbir oleh sebuah pemerintahan bagi mengatur dan menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat. Al-Kindi, seorang ahli falsafah Islam terkenal dan orang pertama daripada keturunan Arab (185-256H/810-869M) telah menyamaertikan *dawlah* dengan *al-mulk* (kekuasaan). Umumnya, *dawlah* dapat diertikan sebagai negara, pemerintah, kerajaan atau dinasti.

Di dalam al-Qur`an terdapat dua ayat yang menyebutkan perkataan yang seakan-akan sama dengan perkataan *dawlah* iaitu *dūlah* yang membawa maksud “bergilir” dan “beredar”. Ayat pertama dalam surah Al Imran (3) ayat 140.

Firman Allah:

وَتِلْكَ الْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ النَّاسِ

Tafsirnya:

“Dan masa (kejayaan dan kehancuran) itu, Kami pergilirkan antara manusia”.

Ayat kedua dalam Surah al-Hashr (59) ayat 7, firman Allah:

كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ

Tafsirnya:

“Dan supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya”.

Jika diteliti mengenai kedua-dua ayat di atas, ternyata bahawa ayat pertama berkonotasikan politik dan ayat kedua berkonotasikan ekonomi.

Kata *dawlah* dalam erti pemerintahan belum pernah digunakan pada zaman sebelum Islam atau pada zaman awal Islam, Ia mula digunakan pada zaman pemerintahan Abbasiyyah. Pada masa tersebut, kata *dawlah* diertikan dengan kemenangan, giliran, bagi meneruskan kekuasaan yang sebelum itu di bawah kekuasaan Bani Umaiyyah. Pada kali ini, kata mereka, adalah “giliran keluarga Bani Abbas” (*dawlah* `Abbasiyyah). Gelaran “*dawlah*” telah diberikan kepada Hasan

bin Hamdan dan Ali bin Hamdan, dan kedua-duanya daripada Bani Hamdan yang memerintah Mawsil (Mosul) dan Syria yang menyandang gelaran “Sayf al-Dawlah” (pedang negara).

Gelaran ini terus digunapakai pada zaman pemerintahan Bani Buwaih (945H/1086M), pemerintahan Ghaznawi iaitu dinasti Turki yang menguasai kawasan Asia Tengah dan beberapa wilayah di Asia Selatan dengan pusat pemerintahannya di Ghaznah yang memerintah antara tahun 1008-1186M dan istilah tersebut terus digunakan oleh kerajaan Fatimiyyah yang memerintah di Afrika Utara (909-1171M) dan kerajaan Muluk al-Tawa`if di Sepanyol (1011-1086M).

Khilāfah

Perkataan “*Khilāfah*” memberi maksud “pergantian” atau “Jabatan Khalifah”. Ia berpunca daripada perkataan “*khalf*” yang bererti “pengganti” dan “penguasa”. Dalam sejarah Islam, istilah khalifah dan khilafah buat pertama kalinya digunakan pada zaman Sayyidina Abu Bakar al-Siddiq apabila beliau dilantik menjadi khalifah berikutan kewafatan Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam*. Dalam ucapan penangguhannya, Abu Bakar al-Siddiq mengelar dirinya sebagai “Khalifah al-Rasul” (pengganti Rasulullah) kerana jawatan khalifah mempunyai hubungan yang erat dengan tugas-tugas yang dikendalikan oleh Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam* dan para Rasul sebelumnya. Gelaran “khalifah” terus dipakai oleh pemerintah-pemerintah Islam selepasnya dan berakhir pada zaman Turki Uthmaniyyah.

Imāmah

Istilah “*Imāmah*” mempunyai makna yang hampir sama dengan khilafah. Perbedaannya hanyalah dari segi penggunaan dan pemakaian. Istilah Khilafah digunapakai oleh pengikut-pengikut *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah*, sementara *Imāmah* oleh kaum Shī`ah. Istilah Imamah telah diinstitusi dan dijadikan sebagai suatu konsep dan bidang ilmu khusus dan dikembangkan oleh kaum Shī`ah.

Menurut kaum Shī`ah, institusi *Imāmah* yang diketuai oleh seorang Imam mempunyai dua kuasa, kuasa agama dan kuasa politik. Tetapi institusi khilafah yang diketuai oleh seorang khalifah, menurut *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah*, hanya mempunyai kuasa politik sementara kuasa agama adalah milik Allah dan RasulNya. Tugas khalifah hanyalah menjaga dan memelihara agama di samping mentadbir dunia atau yang berkaitan dengan kehidupan duniawi (حراسة الدين وسياسة الدنيا).⁵

Sulṭanah

Istilah “*sulṭanah*” (kesultanan) diertikan sebagai “kekuasaan” atau “pemerintahan” Islam yang dikuasai atau diketuai oleh seorang sultan atau raja. Gelaran “Sulṭān” mula diperkenalkan pada zaman Abbasiyyah.

⁵ Fungsi khalifah bagi “menjaga agama dan mentadbir dunia (حراسة الدين وسياسة الدنيا) dalam kalangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah* dinyatakan oleh al-Mawardi dalam kitab *al-Ahkam al-Sulṭaniyyah* dan Ibn Khaldun dalam kitab *Muqaddimah*.

Orang pertama yang diberikan gelaran “sultan” ialah Sultan Salahuddin al-Ayyūbī, pengasas Dinasti Ayyūbiyyah, iaitu sebuah dinasti kecil yang didirikan di Mesir pada zaman Abbāsiyyah⁶. Jawatan sultan telah diwarisi turun temurun oleh dinasti Ayyūbiyyah.

Daripada definisi-definisi *Khīlafah*, *Imāmah*, dan *Sulṭānah* itu tadi dapatlah disimpulkan bahawa, istilah negara dan kepimpinan Islam mempunyai pelbagai konotasi dan hampir kesemuanya telah digunapakai dan dipraktikkan oleh negara-negara Islam mengikut peredaran masa dan perubahan zaman. Persoalannya, apakah negara-negara yang diduduki oleh majoriti penduduknya beragama Islam hari ini boleh dianggap sebagai “Negara Islam” atau “Negara Orang Islam” kerana penduduknya beragama Islam? Bagi menjawab persoalan ini, kita harus kembali kepada pendapat ulama menerusi pelbagai mazhab yang dibahaskan di dalam bidang teori politik Islam.

⁶ Dinasti Ayyubiyah telah diasaskan oleh Salahuddin al-Ayyubi (al-Malik al-Nasir I (564H/1169M-595H-1198M) dari bangsa Kurdi. Beliau telah memerintah Mesir, Syria, dan Semenanjung Arab. Sebelum dinasti ini didirikan, Salahuddin al-Ayyubi menjadi menteri kerajaan Fatimiyyah di Mesir pada zaman Khalifah al-Adid. Beliau telah bangun menentang fahaman Shī'ah dan seterusnya mendirikan sebuah kerajaan bermazhab al-Suni yang dinamakan Dinasti Ayyūbiyyah di Mesir dan seterusnya meluaskan jajahan takluknya hingga ke Syria (Sham) dan Yaman (selatan Semenanjung Arab). Jasa beliau yang paling besar ialah menawan semula Baitul Maqdis dari tangan tentera Kristian. Kerajaan Ayyūbiyyah berakhir di Mesir pada tahun 650H/1252M di Mesir dan di Yaman pada tahun 866H/1462M.

Para pengkaji di dalam bidang sains politik Islam termasuk Muhammad Diya'uddin Rayes dalam bukunya "*al-Nazariyat al-Siyasiyyah al-Islamiyyah*" hampir mencapai kata sepakat bahawa konsep negara Islam (*dawlah Islāmiyyah*) sememangnya wujud berdasarkan firman Allah:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

Tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan (menyuruh kamu) apabila menerapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberikan pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat,"

(Surah al-Nisa (4): 58)

Dan firmanNya lagi:

﴿ يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهٗ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴾

Tafsirnya:

“Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan RasulNya dan Uli Amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari Kiamat. Yang demikian itu lebih utama (bagi kamu) dan lebih baik akibatnya.”

(Surah al-Nisa (4): 59)

Kedua-dua ayat yang dibacakan itu tadi mengandung petunjuk dan pedoman bagi manusia dalam hidup bermasyarakat dan bernegara. Ayat-ayat tersebut juga menjelaskan tentang bagaimana proses hubungan yang bersifat komunikatif dan harmonis di antara pemimpin dan yang dipimpin dalam rangka mencapai tujuan yang saling memberi manfaat bagi kedua-dua belah pihak. Pemimpin (*rā'is*) sebagai pemegang amanah, dan yang dipimpin (*mar'ūs*) yang melaksanakan amanah, merupakan komponen yang harus ada di dalam pemerintahan sesebuah negara.

Pemimpin dan pegawai-pegawai kerajaan yang mentadbir di dalam sebuah negara merupakan moto penggerak dan rodar penjana pemerintahan. Adapun yang dipimpin atau rakyat harus mematuhi dan melaksanakan sistem dan peraturan yang telah digariskan atau diprogramkan oleh pemimpin.

Ayat pertama ditujukan kepada penguasa dan pemimpin supaya bertindak adil. Ayat kedua ditujukan kepada warga supaya mematuhi Allah, dan RasulNya, dan *ulil amri*.

Kewajaran adanya pemimpin adalah berdasarkan sabda Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam*, yang bermaksud: “*Jika tiga orang belayar, hendaklah mereka menjadikan salah seorang di antara mereka sebagai pemimpin.*” (Hadith Riwayat Abu Daud).

Ibn Taimiyyah menyatakan bahawa, kemaslahatan dan keadilan tidak boleh ditegakkan tanpa adanya penguasa atau pemimpin yang menetapkan hukum berlandaskan al-Qur`an dan al-Sunnah. Hukum tidak boleh berjalan dengan sempurna tanpa sokongan rakyat. Kerjasama juga harus ada antara penguasa dan rakyat. Kemaslahatan boleh berjalan dengan baik apabila terbentuknya negara.

TATANEGARA ISLAM

Menurut Imam al-Mawardi dalam kitab *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, tatanegara Islam (tatanegara Zikir) yang diistilahkan sebagai *dawlah*, mengandungi tiga unsur: **rakyat, wilayah, dan pemerintahan**⁷.

⁷ Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali bin Muhammad bin Habib, *al-Aḥkam al-Sulṭaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1427H./2006M, hlm. 3-4.

1. **Rakyat** merupakan asas bagi mewujudkan sesebuah negara. Rakyat merupakan gabungan antara beberapa individu yang menetap di dalam sebuah negara. Menurut beliau lagi, tidak semua yang menetap di sesebuah negara dianggap sebagai warga. Di dalam negara Islam (Negara Zikir) terdapat perbezaan antara orang Islam dan kaum *Dhimmī* (orang bukan Islam yang menetap dan mendapat perlindungan di negara Islam (*Dār al-Islām*). Kaum *Dhimmī* yang bermukim di wilayah Islam diwajibkan membayar *jizyah* (cukai perlindungan), yang dengannya mereka dijamin memperolehi perlindungan daripada negara Islam (maksud dari ayat ke-29, surah al-Taubah)⁸. Cukai perlindungan tersebut juga merupakan jaminan perlindungan nyawa dan harta benda mereka. Pada saat itu pihak pemerintah dan masyarakat Islam tidak boleh mencabuli harta, kehormatan, dan kebebasan mereka. Mereka seharusnya diberikan kebebasan bagi melakukan aktiviti, termasuk aktiviti keagamaan, perdagangan, dan perindustrian.

Kaum *Dhimmī* terikat dengan hukum dan undang-undang negara, sama seperti warga Islam. Dalam undang-undang keluarga (perkahwinan, perceraian, dan pesaka) mereka diperbolehkan mengamalkan hukum menurut agama mereka,

8

فَتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

seperti pernikahan tanpa saksi, tanpa penetapan mahar, dan sebagainya.

Menurut Imam al-Mawardi, penguasa boleh melantik kaum *Dhimmī* sebagai pegawai eksekutif⁹. Mereka tidak wajib berperang jika peperangan itu bertujuan untuk membela Islam. Adapun warga Islam yang telah memenuhi kriteria tertentu, misalnya baligh, berakal, dan merdeka, mempunyai hak politik, hak memilih dan dipilih, wajib ikut berperang bagi membela Islam.

2. **Wilayah.** Yang dimaksudkan dengan wilayah di sini mencakupi wilayah di darat, di laut, dan ruang di udara. Untuk mewujudkan sebuah negara (*dawlah*), sekumpulan manusia harus ada dan menetap di sebuah wilayah tertentu. Puak-puak yang selalu berpindah randah dan tidak mempunyai wilayah sendiri, tidak boleh dianggap sebagai pemilik negara atau *dawlah*.

Di dalam sistem pemerintahan Islam terdapat perbezaan antara *dār al-Islām* (wilayah kekuasaan Islam) dan *dār al-harb* (wilayah di bawah kekuasaan bukan Islam). Di samping itu, terdapat pula *dār al-amān* (wilayah yang ditakluki orang Islam, tetapi tidak dikuasai secara langsung). Penaklukan wilayah seperti ini dilakukan secara damai, dan hukum yang diamalkannya bukan hukum Islam. Antara penakluk dan yang ditakluk hanya diikat oleh suatu perjanjian damai.

⁹Al-Mawardi, *op. cit.*, hlm. 7.

3. **Pemerintahan** merupakan unsur utama dalam rangka membentuk sesebuah negara (*dawlah*). Pihak pemerintah berkuasa dalam menentu, melaksana, mengurus, dan mentadbir serta menangani urusan negara dan rakyat. Ahli-ahli sejarah Islam telah bersepakat dengan menyatakan bahawa Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam* telah mendirikan negara Islam pertama di Madinah pada tahun pertama Hijrah (622M). Dengan terbentuknya ummah Islamiyah di Madinah, maka Baginda dengan sendirinya menjadi pemimpin agama dan pemimpin negara sekali gus. Kenyataan ini turut disokong oleh W. Montgomery Watt dalam bukunya "*Muhammad: Prophet and Statesman*".¹⁰

Pengukuhan kekuasaan ketua negara telah dinyatakan di dalam dokumen bertulis yang dikenali sebagai "Piagam Madinah" (*ṣaḥīfah Madīnah*). Dengan terlaksananya Piagam ini, maka Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasalam* mempunyai kuasa untuk mengistiharkan perang atau damai, menyelesaikan konflik antara warga masyarakat, Islam dan bukan Islam di Madinah, termasuk kaum Yahudi, dan seterusnya berkuasa bagi menyelesaikan permasalahan politik, ekonomi dan sosial yang dihadapi penduduk Madinah.

Setelah kewafatan Rasulullah *ṣallallāhu `alaihi wasallam*, bentuk pemerintahan negara Islam telah mengalami perubahan; pemimpin negara Islam telah diberi gelaran "Khalifah, dan setelah itu "Sultan", "Amir", dan sebagainya.

¹⁰ Watt.W.M., *Muhammad: Prophet and Statesman*, Oxford University Press, Oxford, 1977.

ASAS-ASAS PEMBINAAN NEGARA

Menurut Ibn Khaldun dalam “*Muqaddimah*” bahawa sebelum didirikan sebuah negara, terdapat beberapa asas atau faktor penting yang perlu diambil perhatian, 1) mempunyai sumber air yang mencukupi, 2) mempunyai tanah yang subur untuk bercucuk tanam, 3) mempunyai kawasan yang strategik serta udara yang sesuai untuk diduduki, 4) berhampiran dengan kawasan kediaman, dan 5) selamat daripada ancaman musuh.

Setelah berdirinya negara, maka beberapa syarat lain perlu dipenuhi:

1. Pihak pemerintah harus menyediakan air yang bersih serta memberi kemudahan kepada rakyat untuk memperolehnya,
2. mendirikan masjid dan menyediakan tempat bersolat di premis-premis perniagaan,
3. mengadakan pasar membeli-belah bagi membolehkan penduduk mendapatkan keperluan-keperluan hidup, seperti makanan, minuman, dan pakaian,
4. membetengi wilayah agar terselamat dari serangan musuh,
5. mendatangkan para ilmunan dan ahli-ahli dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh penduduk.

FUNGSI NEGARA ISLAM

Di antara fungsi Negara Islam ialah:

1. memberi perlindungan dan keamanan kepada rakyat serta mempertahankan negara daripada ancaman dan serangan musuh,
2. mewujudkan sistem kehakiman bagi mencegah orang ramai daripada melakukan tindakan sewenang-wenangnya serta melindungi golongan yang lemah, melaksanakan hukum hudud supaya larangan-larangan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dapat dilindungi daripada pelanggaran, agar hak dan kebajikan rakyat terpelihara,
3. mengurus harta benda dan wang, seperti mengurus wang zakat yang diwajibkan oleh syarak, menarik pelaburan dari dalam dan luar negara.

Daripada kenyataan itu tadi menunjukkan bahawa seolah-olah tiada pemisahan secara mutlak antara bidang politik dan agama, atau antara urusan kehidupan duniawi dan kehidupan ukhrawi di dalam sistem pemerintahan Negara Zikir; kedua-duanya adalah dituntut di dalam Islam.¹¹ Ini selaras

¹¹ Berbeza daripada pandangan orang Barat yang memisahkan politik daripada agama dalam sistem pemerintahan. Pemikiran yang bersifat "sekular" (pemisahan antara politik dan agama) turut mempengaruhi para cendekiawan Islam, termasuk Ali Abd Raziq menerusi bukunya *al-Islām wa Uṣūl al-Ḥukm: Bahithun fi al-Kilāfah wa al-*

dengan sistem pemerintahan Islam yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad *ṣallallāhu `alaihi wasallam* sewaktu di Madinah.

Sistem pemerintahan yang menggabungkan antara aspek politik dan agama ini diistilahkan di dalam bahasa Inggeris sebagai “Theo-democracy” oleh Abula`la Maududi.¹² Istilah ini berasal daripada pandangan para cendekiawan dan ahli falsafah Islam terdahulu seperti al-Kindi, al-Farabi, al-Mawardi, dan Ibn Khaldun.

Menurut Ibn Khaldun, institusi Khilafah merupakan institusi Qur`ani yang bermatlamatkan kehidupan ukhrawi. Namun begitu, beliau tidak menafikan keperluan hidup di dunia, kerana ia merupakan asas bagi sesebuah pemerintahan, sama ada pemerintahan Islam atau bukan Islam. Dengan kata lain, Ibn Khaldun menegaskan bahawa, sumber kekuasaan ada dua, iaitu Allah dan manusia. Dengan sebab itulah maka pihak pemerintah harus berlaku adil terhadap rakyat yang diperintah dalam melaksanakan hukum Allah di muka bumi; mereka yang tidak melaksanakan hukum Allah dianggap kafir, zalim, atau fasik,¹³ sepertimana yang dapat difahami pada ayat-ayat berikut. Firman Allah,

Hukūmati fī al-Islām (1925). Dalam buku ini beliau menolak konsep “Khilāfah”, sepertimana yang dilakukan oleh Kemal Atatürk di Turki.

¹² Lihat bukunya berjudul *Islamic Law and Constitution*, translated & edited by Khurshid Ahmad, Islamic Publication Ltd, Shah Alam Market, Lahore (Pakistan), hlm. 147-148. Ini berbeza dari sistem “Democracy” yang diamalkan di negara Barat pada hari ini atau sistem “Theocracy” (*The Kingdom of God*) atau “Negara Tuhan” yang diamalkan dalam agama Kristian.

¹³ Lihat tafsirannya dalam *al-Qur`an*, Surah al-Ma`idah: 44, 45, 47.

﴿٤٤﴾ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

Tafsirnya:

“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang kafir.”

(Surah al-Mā'idah (5): 44)

Firman Allah,

﴿٤٥﴾ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Tafsirnya:

“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

(Surah al-Mā'idah (5): 45)

FirmanNya lagi,

﴿٤٧﴾ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Tafsirnya:

“Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.”

(Surah al-Mā'idah (5): 47)

BIBLIOGRAFI

Sumber Primer

Al-Qur`ān al-Karīm dan *al-Sunnah*

Al-Asha`arī AbūḤasan Ali bin Ismā`īl. (1991). *Maqālāt al-Islāmiyyīn al-Ikhtilāf al-Musallīn*. Saïda: al-Maktabah al-`Asriyyah.

Al-Baghdādī, Abd al-Qāhir bin Ṭāhir. (t.t.). *al-Farq bayn al-firaq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Bukhārī (t.t.). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Matba`ah al-Taqaddum al-Ilmiyyah.

al-Fārābī. (t.t.). *Kitāb Ārā' Ahl Al-Madīnah al-Fāḍilah*. Albert Nasri Nadir (ed.). Beirut: Dar al-Mashriq.

Al-Ghazālī. (1939). *al-Munqidh min al-Ḍalāl*. Jamal Salibah dan kamil Ayyad (pyt.). Edisi ke-3. Damsyik: tanpa penerbit.

Ibn Hishām, `Abd al-Malik (t.t.). *al-Sirāh al-Nabawiyyah*. Kaherah: Tab`ah.

al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā 1971. Beirut: Ihya` al-Turath al-`Arabi .

Ibn Ḥazm Ali bin. Ahmad al-Andalūsī. (1996). *Al-Fiṣal Bayn al-Milal wa al-Ahwā` wa al-Niḥal*. Beirut: Dar al-Jayl.

Ibn Khaldūn, Abd al-Raḥmān bin Muḥammad (1993). *Muqaddimah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukarram (1955-56). *Lisān al-`Arab*. Beirut.

- Ibn al-Nadīm, Muḥammad bin Ishāq (1971). *Al-Fihrist*. T.Rida (ed.). Tehran.
- Ibn Rusyd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyd al-Qurtubī. (1964). *Manāhij al-Adillah fī `Aqā'id al-Millah*. Kaherah: al-Anglo al-Misriyyah.
- Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan Ali bin Muḥammad (2006). *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyat al-Dīniyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Shahrastānī, Muḥammad bin Abd al-Karīm (2008). *al-Milal wa al-Niḥal*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja`afar Muḥammad bin Jarīr (1879-1901). *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*. M.J. de Goeje (ed.). Leiden.

Sumber Sekunder

- Abd al-Sallām Hārūn (pyt.). (1960-1961). *al-Mu`jam al-Wasīf*. 2 Jilid. Mesir: Majma` al-Lughrah al-`Arabiyyah, Matba`ah misr Sharikat Musāhamah Mişriyyah.
- Ali `Abd al-Rāziq. (1925&1988). Beirut: al-Mu`assasāt al-`Arabiyyah li al-Dirāsāt wa al-Nashr.
- Al-Azhari, Abū Mansūr Muḥammad bin Aḥmad. (282-370 H). *Tahdhīb al-Lughah*, Jilid 14. Kaherah: al-Dār al-Mişriyyah Li al-Ta`lif wa al-Tarjumah.
- Hans Meyerhoff (ed.).(1959) . *The Philosophy of History in Our Time*. New York: Doubleday & Co. Inc.
- Idris Zakaria. (1991). *Teori Politik al-Farabi*.Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lindsay, A.D. (1964). *Plato's Republic* (translated). Dutton: New York Every Man's Library.
- Mahayudin Hj. Yahaya. (1992). Surutan Konsep Ilmu Mengikut Pandangan Sarjana-Sarjana Muslim Zaman Silam: Teori dan Kaedah. *Kesturi Jurnal Sains Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. (1984). *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana.
- _____. (1986-1988). *Ensiklopedia Sejarah Islam* (6 Jilid). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. (2001). *Tamadun Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- _____. (2011). "Umran al-'Alam dari perspektif Ibn Khaldun", *International Journal of West Asian Studies*, Vol. 3. No 1. 2011. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmūd Qāsim. (1967). *Dirāsāt fī'l-Falsafah al-Islāmiyah* (ed.ke-2). Mesir: Dār al-Ma'ārif.
- _____. (1954). *Nazariyah al-Ma'rifah 'Inda Ibn Rusyd*. Kaherah: Matba'ah al-Anglo al-Misriyyah.
- Mohd.Yusof Ibrahim & Mahayudin Haji Yahaya. (1988). *Sejarawan dan Persejarahan: Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusuf Musa. (t.t.). *Nizam al-Hukm fī al-Islam*. Mesir: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Muhammad Ismail Ibrahim. (1961). *Qāmus al-Alfāz wa al-'Alām al-Qur'āniyyah* (Cetakan Pertama). Kaherah: Dār al-Fikir al-Arabi.

- Muhammad Yusuf b. Sulaiman Mayidin. (1931). *Kejatuhan Kaum-Kaum Islam dan Pergerakan Baharu*. Pulau Pinang: Jelutung Press.
- Mustafa al-Shak`ah. (1988). *al-Usus al-Islāmiyah fī fikr Ibn Khaldūn*. Kaherah: al-Dār al-Miṣriyah al-Lubnāniyyah.
- Nadawi, Abul Hasan `Ali. (1973). *Islam and the World*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, Kashmiri Bazar.
- Negara Zikir, Azam, Keperluan dan Pelaksanaan*, Himpunan Kertas Kerja Seminar Negara Zikir. (2008). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri.
- Al-Rayes, Muahmmad Diyā` al-Dīn (1969). *Al-Nazariyyāt al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dar al-Ma`arif.
- Al-Saghir, Ibn Ammar. (1976). *al-Taḥkīm al-`Ilmī `inda Ibn Khaldūn*. Iraq: al-Sharikah al-Waṭaniyyah li al-Nashr Wa al-Tawzi`.
- Sayyid Qutb (t.t). *FīZilāl al-Qur`ān* (Jilid 8). Beirut: Dār al-`Arabiyyah.
- Syed Nuhammad Naquib Al-Attas. (1996). Masyarakat Madani: Suatu Gagasan. *Masyarakat Madani: Suatu Tinjauan Awal*. Malaysia: Institut Strategi Pembangunan Malaysia (Minds), Rs Grafik.
- Taqiyu al-Din al-Nabhani. (2005). *al-Shakhsiyyah al-Islamiyyah Ta`sis al-I`tiqad wa Ta`sil al-Fikri*. Aman: Dar al-Salam.
- Al-Ṭārihi, Fakh al-Dīn (1985 H). *Majma` al-Baḥrain*. Aḥmadal-Ḥusaiynī (ed.). Jilid 6. Beirut: Muassasah al-Wafa`.
- Wan Hashim & Mahayudin Hj Yahaya. (1984). *Sains Sosial dari Perspektif Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.